

18 MAY 2002

Mahathir-Umno

KEKUATAN UMNO KERANA SOKONGAN ORANG MELAYU KAMPUNG DAN BANDAR

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekuatan Umno adalah kerana sokongan orang Melayu dari kampung dan bandar.

Dr Mahathir berkata dalam semua pilihan raya umum, Umno terus dapat bertahan sama ada di luar bandar mahupun di bandar.

"Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Umno tidak pernah hilang kerusi yang dipertandingkan dalam setiap kali pilihan raya.

"Jika tanpa sokongan orang Melayu bandar sudah tentu Umno tidak mampu bertapak di Kuala Lumpur," kata Perdana Menteri dalam perutusannya di buku cenderamata Konvensyen Umno Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa Umno telah menjadi tempat bernaung orang Melayu. Umno menjadi wadah untuk rakyat mencurahkan segala rintihan dan tuntutan membela nasib mereka.

"Orang Melayu bandar seperti warga Kuala Lumpur tidak pernah dilupakan oleh Umno kerana orang Melayu di mana sahaja berada adalah anak bangsa yang perlu dibela dan dipertahankan.

"Anggota Umno sama ada di desa, bandar ataupun kota adalah sama sahaja dan tidak ada bezanya. Bagi Umno semua anggota parti setia dan mendokong perjuangan Umno untuk membela nasib bangsa...matlamat kita adalah satu, perjuangan kita adalah sama," tegas Dr Mahathir.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusannya pula berkata transformasi pembangunan pesat Kuala Lumpur menyaksikan perubahan yang begitu ketara dalam kehidupan masyarakat Melayu bandar.

Beliau mahukan pemimpin Umno Wilayah Persekutuan supaya turun ke peringkat akar umbi bagi menyelami realiti kehidupan masyarakat Melayu bandar dan bertindak menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Timbalan Perdana Menteri merasmikan konvensyen sehari itu bertujuan membincang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi orang Melayu di bandar.

-- BERNAMA

AKT AZZ RON